

B A B XVI

Perkhidmatan² Kebajikan dan Masharakat

I.—PENDAHULUAN

821. Bab ini membinchangkan ranchangan² kemajuan pembandaran, perumahan dan perkhidmatan² sosial dan masharakat, yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan hidup pendudok² bandar dan luar bandar. Ranchangan² ini merupakan tambahan kapada ranchangan² pelajaran, kesihatan, bekalan ayer dan letrik, dan pengangkutan sebagaimana yang diterangkan dalam Bab² yang terdahulu. Ranchangan² ini juga merupakan satu unsor penting dalam strateji membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang perbezaan ekonomi.

822. Kawasan² bandar merupakan tumpuan penting bagi ranchangan² ini. Sementara kawasan² ini memain peranan penting dalam pemodenan masharakat Malaysia, perkembangan-nya pula menimbulkan berbagai² masaalah ekonomi dan sosial. Kemajuan perusahaan² dan perkhidmatan² di-kawasan² ini telah menarek sa-bilangan besar belia² dari kawasan² luar bandar dan pekan² kecil. Sebalek-nya pula, masaalah² kesesakan dan penganggoran telah timbul, dengan di-sertaï oleh akibat² sosial yang sering terdapat di-bandar². Perumahan, kemudahan² bekalan ayer dan letrik dan perkhidmatan² masharakat di-bandar telah ketinggalan di-belakang perkembangan² bandar. Perkembangan bandar yang begitu pesat telah menambahkan lagi jurang perbezaan penyertaan berbagai² kaum dalam kegiatan² sektor moden.

823. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua, perhatian yang lebih tegas akan di-tumpukan kapada usaha mengatasi masaalah² ini. Ranchangan² kemajuan bandar, termasuk usaha² membersehkan kawasan² perumahan terbiar dan setinggan, membina rumah², memperbaiki sistem²

bekalan ayer dan saloran najis dan mengadakan lain² kemudahan awam, ada-lah aspek² penting Ranchangan Malaysia Kedua. Ranchangan² kemajuan bandar akan juga memberi kesempatan² yang lebeh luas untuk orang² Melayu dan bumiputra² yang lain menyertaï kegiatan² perusahaan dan perniagaan di-bandar², supaya bandar² di-Malaysia benar² menggambarkan sifat berbilang kaum negara ini.

824. Di-kawasan² luar bandar, perkhidmatan² dan kemudahan² masharakat yang lebeh luas lagi sangat² di-perlukan. Berbagai² perkhidmatan dan kemudahan² telah pun di-adakan dalam usaha² pembangunan yang lampau dan selanjutnya perkhidmatan² dan kemudahan² ini akan terus di-perluaskan dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua. Di-samping ranchangan² bekalan letrik dan ayer, sekolah², perkhidmatan² kesihatan dan jalan² raya luar bandar, sebagaimana yang di-terangkan dalam Bab² yang terdahulu, perenggan² berikut menerangkan beberapa ranchangan lain untuk penduduk² di-luar bandar dan dalam bandar, saperti mengadakan rumah², kemudahan² kerehatan dan pasar².

II.—PERUMAHAN

825. Ranchangan perumahan awam merupakan unsor penting dalam ranchangan perumahan negara. Pada asas-nya, ranchangan ini ada-lah untuk memenohi keperluan semua kumpulan² masharakat yang berpendapatan rendah, tanpa mengira asal keturunan mereka. Ia bertujuan menghapuskan kawasan² perumahan terbiar dan kehidupan setinggan, di-samping menyelesaikan masaalah² sosio-ekonomi berikutan dengan perkembangan pesat kawasan² bandar di-sekitar tanah ayer.

826. Kerajaan akan terus menitekberatkan projek² pembangunan perumahan awam oleh kerana usaha² saperti ini tidak menarek perhatian pembena² swasta, yang menumpukan kegiatan² mereka bagi kumpulan² yang berpendapatan pertengahan dan tinggi. Kerajaan Persekutuan akan menumpukan perhatian-nya di-sekitar Ibu Kota Persekutuan, sementara Kerajaan² Negeri akan memenohi keperluan² di-kawasan² lain dalam negeri² masing dengan bantuan wang dari Kerajaan Persekutuan. Kemudahan² perkhidmatan Amanah Perumahan akan di-gunakan untuk ranchangan perumahan negara.

827. Ranchangan perumahan negara dalam Ranchangan Malaysia Kedua akan menitekberatkan dua aspek penting untuk menggambarkan dengan lebeh jelas lagi tujuan utama Ranchangan, ia-itu, memupok perpaduan negara. Pertama, ranchangan perumahan negara akan di-bentok bagi

menyatukan masharakat berbilang kaum. Kedua, peranchangan mengenai perumahan akan meliputi peruntukan perkhidmatan² masharakat yang mustahak dan keperluan² lain, supaya kompleks perumahan baharu ini seberapa yang boleh lengkap dari segenap segi. Ini ada-lah penting terutamanya di-Ibu Kota Persekutuan di-mana projek² perumahan yang besar akan di-laksanakan dalam tempoh Ranchangan.

828. Dalam Ranchangan Malaysia Pertama, sa-jumlah \$188.1 juta telah di-peruntokkan bagi perumahan. Dari jumlah ini \$173.2 juta ada-lah untuk Malaysia Barat, \$7.4 juta bagi Sabah dan \$7.5 juta bagi Sarawak. Ranchangan perumahan di-Malaysia Barat pada mula-nya telah dilaksanakan dengan perlahan² tetapi telah berjaya membuat beberapa kemajuan dalam tahun² 1968-70. Pada akhir tempoh Ranchangan Malaysia Pertama, 22,522 buah rumah murah telah di-bena, hampir² separoh dari-nya ada-lah terdiri dari rumah² pangsa. Saperti yang di-tunjukkan dalam Jadual 16-1, kejayaan Ranchangan ini ada-lah hampir² tiga kali dari tempoh lima tahun sebelum itu.

JADUAL 16-1

KEMAJUAN RANCHANGAN PERUMAHAN AWAM, MALAYSIA BARAT, 1956-70

| <i>Tempoh</i> | | <i>Perbelanjaan</i> (\$ juta) | | <i>Bilangan di-bena</i> |
|---------------|-----|----------------------------------|-----|-------------------------|
| 1956-60 | ... | 9.33 | ... | 2,983 |
| 1961-65 | ... | 33.27 | ... | 7,568 |
| 1966-70 | ... | 99.79 | ... | 22,522 |

829. Untuk Ranchangan Malaysia Kedua, sa-banyak \$171.9 juta ada-lah di-peruntokkan bagi perumahan awam di-seluroh Malaysia. Dari peruntukan ini, sa-banyak \$89.68 juta ada-lah bertujuan untuk membiayaï projek² perumahan negara di-Malaysia Barat, \$62.51 juta daripada-nya ada-lah untuk projek² di-Ibu Kota Persekutuan. Projek² ini yang akan di-lancharkan bersama oleh pehak² berkuasa Persekutuan, Negeri dan Majlis Perbandaran, akan melibatkan pembinaan beberapa buah rumah pangsa ber-tingkat², lengkap dengan perkhidmatan² masharakat yang berkaitan, di-kawasan² yang terpileh.

830. Kerajaan² Negeri di-Malaysia Barat juga akan melaksanakan rancangan² perumahan awam di-kawasan² bandar yang lain, kebanyakannya melalui PKEN². Sa-jumlah \$11.14 juta akan di-belanjakan oleh Kerajaan² Negeri. Di-Malaysia Timor, Sabah akan membelanja sa-banyak \$23.23 juta dan Sarawak sa-banyak \$12.5 juta.

831. Kerajaan akan terus menggalak serta membantu pembina² rumah swasta. Di-samping itu, Kerajaan² Persekutuan dan Negeri akan mempercepatkan kemajuan perumahan swasta melalui bantuan kepada pekerja² awam dalam ranchangan memileki rumah sendiri. Dalam hal ini, sa-buah sharikat bagi kemajuan perumahan untuk pegawai² Kerajaan ia-itu Sharikat Kemajuan Perumahan Pegawai² Kerajaan Sendirian Berhad, telah di-tubohkan dan sa-banyak \$30 juta telah di-peruntokkan bagi tujuan ini. Selanjutnya, sa-banyak \$16.5 juta telah di-peruntokkan bagi rumah² kediaman pekerja² Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar (KPBK) serta sharikat² perumahan kerjasama dan bagi membaiki dan membaharu² rumah² Kerajaan. Untuk merangka dasar² dan ranchangan² perumahan negara serta mengkaji kemajuan perlaksanaan-nya, satu Majlis Perunding Negara untuk Perumahan telah di-tubohkan. Majlis ini ada-lah di-anggotaⁱ oleh Menteri² Besar dan Ketua² Menteri serta di-ketuaⁱ oleh Timbalan Perdana Menteri. Satu jawatankuasa terdiri dari pegawai² dan wakil² swasta akan membantu kerja² Majlis tersebut.

832. Kerajaan Persekutuan memileki sa-jumlah besar saham² Sharikat Perumahan Malaya Borneo Berhad (SPMB), yang telah di-susun sa-mula supaya menjalankan perkhidmatan-nya di-Malaysia sahaja. SPMB ada-lah badan yang terbesar dalam sektor swasta bagi memberi pinjaman² perumahan. Sharat² pinjaman-nya ada-lah pada umum-nya lebeh ber-patutan dari badan² peminjam yang lain. Harta² chagaran bertambah daripada \$88.31 juta pada awal tahun 1966 kapada \$142.14 juta pada akhir tahun 1970. Dalam tempoh ini, pinjaman² berjumlah sa-banyak \$137.8 juta telah di-luluskan bagi membiayaⁱ pembelian sa-banyak 14,000 buah rumah. Pembayaran balek pinjaman² yang di-anggar bagi tempoh 1971-75 berjumlah sa-banyak \$170 juta, dan ini akan membiayaⁱ kos kira² 17,000 buah rumah.

III.—KEMAJUAN BANDAR

833. Perkembangan kawasan² bandar di-seluroh negeri yang begitu pesat telah mewujudkan kawasan² perumahan terbiar dan keadaan yang bertambah sesak dan kotor. Kebanyakannya, tumpuan penduduk yang

sangat ramai dan perkembangan pusat² perniagaan dan perusahaan tidaklah terator dan tidak selaras dengan chara kegunaan tanah bandar yang chekap atau dengan kemajuan kemudahan² perniagaan dan masharakat. Masaalah ini menjadi lebeh burok lagi di-sebabkan penyertaan yang tidak sa-imbang dari segi kaum di-lapangan perusahaan dan perniagaan moden. Kesemua ini jelas menunjukkan betapa perlu-nya di-adakan satu chara baharu yang lebeh kemas dalam usaha memajukan kawasan² bandar.

834. Satu Lembaga Pembangunan Bandar (LPB) telah di-tubohkan untuk mengatasi masaalah² ini dengan lebeh berkesan lagi. Lembaga ini akan bekerja rapat dengan pehak² berkuasa di-pekan², perbandaran² dan Kerajaan² Negeri dan akan menumpukan perhatian-nya kepada pembaharuan sa-mula bandar², pembersehan kawasan² setinggan dan perumahan terbiar, pembinaan rumah² dan usaha² pembaharuan yang lain untuk menentukan kegunaan kawasan² bandar ini dengan chara yang baik dan ekonomi.

835. Sebagai permulaan, Lembaga ini akan menumpukan tenaga-nya di-Kuala Lumpur di-mana masaalah²-nya sangat burok dan memerlukan tindakan segera. Tindakan² segera yang akan di-lakukan ia-lah memajukan sa-mula dengan serba lengkap, mengawal dan memuleh bandar itu untuk menyesuaikan-nya dengan perkembangan penduduk², lalu lintas, pekerjaan dan perniagaan. Di-samping itu, Lembaga ini juga akan mengadakan bangunan² perniagaan bagi orang² Melayu dan bumiputra² yang lain sebagaimana yang di-terangkan dengan lebeh jelas-nya dalam Bahagian V, Bab X.

IV.—RANCHANGAN² SALORAN NAJIS

836. Keperluan memperbaiki dan mengadakan kemudahan² dan tambahan kepada saloran najis bagi bandar² besar di-Malaysia ada-lah mustahak dan akan di-beri keutamaan dalam tempoh Ranchangan. Projek² penting yang akan di-mulakan termasok-lah ranchangan saloran najis di-Ipoh dengan peruntukan permulaan sa-banyak \$5 juta; satu kajian kemungkinan bagi membesarakan ranchangan saloran najis di-seluroh kawasan perbandaran Kuala Lumpur dan membesarakan kerja² penapisan saloran najis di-Lembah Pantai; dan membesarakan sistem saloran najis di-Bandar Raya Pulau Pinang.

V.—KEBUDAYAAN, BELIA DAN SOKAN

837. Ranchangan² dalam sektor ini akan di-tumpukan kepada kemajuan belia. Dengan tersiapnya berbagai² ranchangan pelajaran, latehan dan pekerjaan yang telah di-huraikan dalam Bab² VII dan XIV, Kerajaan akan terus melaksanakan projek² lain bertujuan menolong belia² menjadi produktif dan berdikari. Kegiatan² belia akan di-salor untuk menghasilkan pemikiran yang kreatif, berbagai² kemahiran, kechenderongan kepada seni dan budaya, semangat kerjasama kemasharakatan dan pimpinan belia. Pusat serbaguna dan kemudahan² lain untuk kemajuan belia akan ditubohkan di-sekitar tanah ayer. Institusi² ini akan mengadakan peluang² bagi belia² mempelajari kursus² latehan mengenai pimpinan, kemahiran² dalam berbagai² jenis kerja yang membolehkan mereka mendapat pekerjaan² yang produktif, pengajaran dan latehan mengenai sokan dan kegiatan² kebudayaan. Kemudahan² sokan seperti stadium dan lain², setaraf dengan mutu antarabangsa, akan di-bena dalam tempoh Ranchangan.

838. Majlis Perundingan Belia Kebangsaan telah di-tubohkan bagi mengadakan satu perhubungan yang lebih berkesan di-antara Kerajaan dan kumpulan² belia dalam negeri. Melalui Majlis ini dan ranchangan² lain, pertubuhan² belia di-negeri ini akan di-satupadu dan di-sesuaikan selaras dengan tujuan² pembangunan negara. Majlis Sokan Kebangsaan telah pun di-tubohkan bagi menyelaraskan kegiatan² berbagai pertubuhan sokan supaya dapat di-adakan kemudahan² latehan bagi meninggikan mutu sokan. Majlis Kebudayaan Kebangsaan akan di-tubohkan bagi menyelaras dan memupok kegiatan² kebudayaan.

839. Kemajuan kebudayaan kebangsaan ada-lah amat penting bagi mewujudkan perpaduan negara. Untuk memudahkan kemajuan ini Kerajaan akan menuhokan satu Kompleks Kebudayaan Kebangsaan, termasuk sa-buah Panggong Negara, menggalak dan memajukan seni² muzik, tari dan lakun dalam negeri.

VI.—PROJEK² PARIT DI-KAWASAN BANDAR

840. Sa-banyak \$9 juta telah di-peruntokkan bagi projek² parit di-kawasan bandar, terutama-nya bagi membina parit² dan longkang² yang akan memperkemaskan lagi usaha² mengawal banjir. Dari jumlah ini, \$3 juta ada-lah untuk projek² di-Malaysia Barat, khusus-nya di-Ibu Kota Persekutuan di-mana sistem² parit akan di-perbaiki. Sa-banyak \$5 juta ada-lah di-peruntokkan bagi negeri Sabah dan \$1 juta bagi Sarawak untuk projek² seumpama ini.

VII.—PERKHIDMATAN² BOMBA

841. Sa-bahagian besar negeri ini mempunyaï perkhidmatan² bomba yang chukop. Peruntukan sa-banyak \$700,000 ada-lah di-buat untuk menubohkan sa-buah Sekolah Pusat Latehan Bomba di-bawah Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan. Dengan penubohan Sekolah ini, latehan bagi semua kakitangan² perkhidmatan bomba di-seluroh negeri dapat di-adakan. Sa-jumlah \$5.88 juta akan di-belanjakan oleh negeri² di-Malaysia Barat untuk memperbaiki perkhidmatan² bomba, sementara Sabah akan membelanjakan sa-banyak \$9.25 juta, terutama-nya bagi membeli kereta² bomba dan membena balai² bomba.

842. Jumlah peruntukan bagi Perkhidmatan Bomba dalam Ranchangan Malaysia Kedua ia-lah \$16.23 juta.

VIII.—PERKHIDMATAN KEBAJIKAN MASHARAKAT

843. Projek² dalam sektor ini ada-lah bertujuan untuk membaiki dan memperluaskan kemudahan² bagi menjaga, menolong dan memuleh anggota² masharakat yang kurang bernasib baik. Yang penting di-antara projek² ini ia-lah membena sa-buah Rumah Orang Sakit Melarat di-Selangor dan sa-buah lagi di-Tampoi, Johor, untuk memberi perkhidmatan ini bagi kawasan Selatan; sa-buah Rumah Orang² Tua di-Melaka; sa-buah Sekolah Akhlak di-Pahang dan Pusat untuk Kanak² Chachat Anggota dan Kechederaan Otak serta sa-buah Sekolah Budak Laki² di-Taiping. Peruntukan telah juga di-buat bagi membena rumah² kakitangan tambahan serta memperbesarkan bangunan² kebajikan masharakat yang ada sekarang. Projek² yang seumpama ini juga akan di-laksanakan di-Sabah dan Sarawak.

IX.—ORANG ASLI

844. Usaha² lanjut akan di-buat dalam tempoh Ranchangan bagi memajukan kedudukan ekonomi dan sosial Orang² Asli dan menyatukan mereka dengan kaum² lain di-negeri ini. Ini akan di-chapai dengan chara menggalakkan lagi kemajuan tanah yang baharu, ranchangan² jayadiri dan ranchangan² mengadakan kemudahan² pelajaran dan kesihatan yang lebih sempurna. Sa-jumlah \$7.38 juta ada-lah di-peruntokkan dalam Ranchangan untuk tujuan² ini, berbanding dengan hanya \$4.9 juta yang telah di-belanja-kan dalam Ranchangan Malaysia Pertama.

X.—PERKHIDMATAN² MASHARAKAT YANG LAIN

845. Sebagai tambahan kapada ranchangan² yang di-huraikan di atas, sa-banyak \$67.3 juta telah di-peruntokkan dalam Ranchangan untuk projek² perkhidmatan masharakat yang lain. Projek² ini ada-lah untuk kawasan² bandar dan luar bandar dan termasuk-lah mengadakan atau membaiki parit², pasar², ranchangan² bekalan ayer yang kecil, ampangan², balai² raya, padang² permainan, lampu² jalan, perhentian² bas dan seumpama-nya. Di-mana yang boleh, projek² ini akan di-laksanakan sechara bergotong-royong.

846. Di-Sabah dan Sarawak, peruntukan masing² ia-lah sa-banyak \$11.79 juta dan \$32.51 juta. Tumpuan akan terus di-buat bagi mengadakan dan membaiki pasar² dan bazar², kerja² pemulehan tanah dan lain² projek majlis² tempatan untuk mengadakan kemudahan² kecil.

847. Peruntukan² untuk perkhidmatan² sosial dan masharakat dalam Ranchangan Malaysia Kedua ada-lah di-tunjukkan dalam Jadual 16-2.

JADUAL 16-2

PERUNTOKAN BAGI PERKHIDMATAN² KEBAJIKAN DAN MASHARAKAT, 1971-75

(\$ juta)

| | <i>Malaysia</i> <i>Barat</i> (Persekutuan) | <i>Malaysia</i> <i>Barat</i> (Negeri ²) | <i>Sabah</i> | <i>Sarawak</i> | <i>Jumlah</i> |
|--|--|---|--------------|----------------|---------------|
| Perumahan | 125.02 | 11.14 | 23.23 | 12.50 | 171.89 |
| Saloran najis | 13.60 | — | 10.37 | — | 23.97 |
| Parit | 3.00 | — | 5.00 | 1.00 | 9.00 |
| Perkhidmatan bomba | 1.10 | 5.88 | 9.25 | — | 16.23 |
| Kebudayaan, belia dan sokan | 5.00 | — | 1.23 | 1.00 | 7.23 |
| Perkhidmatan ² kebajikan masharakat | 10.93 | — | 2.06 | 0.48 | 13.47 |
| Orang asli | 7.38 | — | — | — | 7.38 |
| Perkhidmatan ² masharakat yang lain.. | 7.70 | 15.30 | 11.79 | 32.51 | 67.30 |
| <i>Jumlah</i> .. | <u>173.73</u> | <u>32.32</u> | <u>62.93</u> | <u>47.49</u> | <u>316.47</u> |